

## SEMINAR LITERASI MAKLUMAT : CABARAN DALAM PEMBANGUNAN DAN PENGGUNAAN KANDUNGAN DIGITAL

6 Ogos 2001

Perpustakaan Negara Malaysia

Disediakan oleh: Mariati Embong

Beberapa kertas kerja telah dibentangkan, di antaranya adalah mengenai perkhidmatan elektronik di Luar Bandar (Infodesa) yang telah dibentangkan oleh YBhg. Datin Hj. Jamaliah binti Kamis dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Program Infodesa merupakan satu program ICT yang hendak dibawa ke luar bandar.

Tujuan utama pelaksanaan Infodesa adalah untuk membangunkan e-komuniti di kalangan masyarakat desa yang mana secara tidak langsung akan dapat menyumbang ke arah pembangunan negara. Ini kerana status semasa ICT adalah berbeza bagi setiap negeri di Malaysia seperti capaian internet kerana ICT di luar bandar adalah merupakan suatu perkara baru dan perubahan-perubahan semasa yang terlalu cepat akan menyebabkan masyarakat luar bandar akan tercicir dalam ICT.

Program Infodesa terdiri dari dua komponen iaitu Web Infodesa (maya) dan Medan Infodesa (fizikal). Web Infodesa (WID) merupakan gerbang komunikasi masyarakat kampung luar bandar yang bertujuan untuk memusatkan aktiviti masyarakat berkenaan. Ianya dikendalikan oleh agensi dengan kerjasama penduduk tempatan manakala Medan Infodesa (MID) merupakan satu tempat di mana semua perkakasan komputer ditempatkan. Program Infodesa ini diwujudkan juga bagi membendung jurang digital antara bandar dan luar

bandar. Selain itu, penubuhan program ini bertujuan :

- Menggalakkan penghayatan budaya ilmu di kalangan masyarakat desa menerusi perantaraan ICT
- Perluasan interaksi komuniti menerusi TKM
- Menjadikan MID sebagai pusat latihan ICT setempat
- Menjadikan MID sebagai pemangkin pemilikan komputer peribadi
- Pengwujudan aktiviti Keusahawanan ICT
- Menjadikan WID sebagai gerbang interaksi untuk semua kegiatan penggunaannya
- Membina rangkaian pangkalan maklumat desa
- Mengurangkan 'digital divide' antara masyarakat desa dengan masyarakat arus perdana (mainstream society)
- Membangunkan e-komuniti di kalangan masyarakat desa
- Menyumbang ke arah pembangunan e-kerajaan

lihat muka 8

### Kandungan

- ↳ Seminar Literasi Maklumat
- ↳ Persidangan PPM/PSZ
- ↳ Mesej YDP
- ↳ Ulasan ucapan perasmian KSU
- ↳ Ahli Majlis PPM 2001/2002

### Aktiviti Semasa PPM

- ↳ Persidangan
- ↳ Kumpulan Pustakawan Perubatan/MedLib

### Sekitar perpustakaan

- ↳ Berita Pustakawan
- ↳ Anugerah Pingat Kebesaran
- ↳ Pelancaran Kelab Pencinta Ilmu
- ↳ Penyampaian Anugerah Pencinta Ilmu
- ↳ Perpustakaan Sultanah Zanariah
- ↳ Pesta Buku

### Artikel Terpilih

*Ketua pengarang*  
Maimunah Kadir

*Sidang pengarang*  
Aripah Mohamed  
Azmah Ishak  
Hazmir Haji Zainal  
Mariati Embong  
Norbaizura Hj. Malek

*Grafik/layout*  
Rusiah Husin



PPM/PSZ Conference on  
**Knowledge Management  
in the Digital World**  
22 - 24 October 2001  
Puteri Pan Pacific Hotel, Johor Bahru, Johor

<http://ekspress.psz.utm.my/km2001>

*Harnessing information skills for competitive edge*

Jointly Organised  
Perpustakaan Sultanah Zanariah  
Universiti Teknologi Malaysia  
and  
Persatuan Pustakawan Malaysia  
(Librarian's Association of Malaysia)

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

Secretariat  
PPM/PSZ Conference on  
Knowledge Management in the  
Digital World  
Perpustakaan Sultanah Zanariah  
Universiti Teknologi Malaysia

81310 UTM Skudai,  
Johor Bahru, Johor  
Malaysia

Tel: 607-5502101/2107/2104

Fax: 607-5572555

e-mail: [km2001@ppc.psz.utm.my](mailto:km2001@ppc.psz.utm.my)



## Mesej Yang Dipertua

**A**hli-ahli Persatuan Pustakawan Malaysia yang saya hormati sekalian.  
Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli PPM yang telah memberi mandat dan peluang kepada saya untuk menerajui persatuan kita, buat kali ketiga dalam tempoh kerjaya saya sebagai Pustakawan.

Majlis PPM akan terus melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dapat mempertingkatkan profesionalisme kita sebagai pengurus maklumat. Dalam dunia IT yang kian pesat berkembang kita harus melengkapkan diri kita dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan supaya kita dapat berdaya saing dengan arus perkembangan IT

Program pendidikan berterusan akan diadakan melalui sesi seminar, bengkel dan latihan. PPM juga akan memantau pelaksanaan dan mengemaskini piawaian-piawaian yang sedia ada. Dalam usaha meningkatkan literasi maklumat di kalangan masyarakat, PPM akan mewujudkan persepakatan pintar dengan agensi yang berkenaan.

Saya bagi pihak Majlis Persatuan Pustakawan Malaysia mengalu-alukan penyertaan semua ahli dalam segala kegiatan persatuan agar ianya dapat mengeratkan lagi silaturrahim di kalangan ahli. Anda semua merupakan nadi persatuan kita dan sokongan dan kerjasama dari semua ahli sudah pasti akan membawa kejayaan kepada apa jua kegiatan persatuan yang akan diadakan.

Semoga semangat dan komitmen yang tinggi saudara-saudari untuk aktif dalam persatuan akan menguatkan lagi persatuan kita.

Sekian Wassalam.

Zawiyah Baba  
Yang Dipertua  
Persatuan Pustakawan Malaysia

## Ulasan Ucapan Perasmian

**U**capan Perasmian yang telah disampaikan oleh Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar YBhg. Dato' Hajjah Rahmah binti Haji Kassim sempena Mesyuarat Agong PPM 2000/2001.

Dalam ucapan tersebut beliau memaklumkan tentang projek desa yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Bandar dengan menyediakan komputer kepada masyarakat desa. Ini sesuai dengan hasrat kerajaan supaya dapat melahirkan rakyat celik IT. Selain daripada pemberian komputer kepada masyarakat desa mereka juga diberikan latihan dan kursus penggunaan komputer dan internet. Hasrat kerajaan ialah untuk mengurangkan perbezaan digital dikalangan masyarakat desa dan bandar.

Beliau berkata Pustakawan boleh memainkan peranan penting untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat desa.

Beliau juga menyeru supaya pustakawan bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi mengadakan projek-projek bagi masyarakat Desa. Penglibatan yang aktif dari semua pustakawan dapat memastikan projek desa akan berjaya.

## AHLI MAJLIS PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA 2001/2002

**Zawiyah Baba**  
Yang Dipertua  
*zawiyah@nlm.pnm.my*

**Mohd Sharif Mohd Saad**  
Naib Yang diPertua I  
*mohdshar@salam.itm.edu.my*

**Putri Saniah Megat Abdul Rahman**  
Naib Yang diPertua II  
*psmar@pkrisc.cc.ukm.my*

**Nafisah Ahmad**  
Setiausaha Kehormat  
*nafisah@nlm.pnm.my*

**Hashimah Mohd. Yusoff**  
Penolong Setiausaha  
*bkt@pnm.my*

**Chin Loy Jyoon**  
Bendahari Kehormat  
*spp@www.pnm.my*

**Haresh K. Chabra**  
Penolong Bendahari  
*haresh@apiit.edu.my*

**Rashidah Begum Fazal Mohamad**  
Bekas Yang DiDipertua  
*rashidah@usm.my*



## Berita Pustakawan

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Cik Shahar Banun Jaafar telah bersara dari perkhidmatan mulai 8 Julai 2001. Satu majlis khas sempena persaraan beliau telah diadakan pada 9 Julai lepas.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sastera dengan kepujian daripada Universiti Malaya pada tahun 1970.

lihat muka 6

### Tahniah

Perbadanan Perpustakaan Awam  
Selangor  
Kerana telah mendapat  
pengiktirafan ISO 9002

Pada 5 Julai 2001

*Sesungguhnya pengiktirafan ini telah  
menaikkan lagi imej perpustakaan ini di  
seluruh dunia dan di Malaysia khususnya di  
mana PPAS telah menjadi perpustakaan  
Awam yang pertama mendapat sijil MS  
ISO 9002*

### Anugerah

Putri Saniah Megat Abdul Rahman  
(Ketua Pustakawan UKM)  
Pingat Jasa Kebaktian Oleh Sultan  
Terengganu pada 29 Ogos 2001

Rogayah Hj. Md. Yasin  
(Pustakawan UKM)  
Ahli Mahkota Perak (AMP) Oleh  
Sultan Perak pada 14 Julai 2001

Hasbullah bin Marzuki  
(Pembantu Perpustakaan UKM)  
Pingat Jasa Masyarakat Oleh  
T.Y.T Yang Dipertua Negeri  
P.Pinang pada 23 Julai 2001

## Pelancaran Kelab Pencinta Ilmu Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM

Disediakan Oleh

Abu Bakar Maidin

Timbalan Ketua Perpustakaan UKM

Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menubuhkan Kelab Pencinta Ilmu (KPI) pada 14 Julai 2001. Majlis Pelancaran penubuhan telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Akademik UKM, YBhg. Prof. Dato' Abd Samad Hadi. Pelancaran telah berlangsung di Aras 4 Perpustakaan Tun Seri Lanang. Timbalan Naib Canselor juga turut merasmikan Sudut bacaan Ringan pada hari tersebut.

Objektif KPI adalah bertujuan;

- Menggalakkan budaya membaca dan menimba ilmu dikalangan warga universiti
- Mempertingkatkan minat terhadap buku dan sumber-sumber ilmu dan maklumat
- Membuka saluran alternatif untuk perbincangan intelektual di kalangan pelajar
- Mengadakan ruang yang selesa untuk bertukar-tukar ide
- Memberi peluang untuk menjana ide kreatif

Keahlian KPI terbuka kepada semua pelajar dan kakitangan UKM. Ahli-ahli KPI boleh mencadangkan bahan-bahan yang boleh diberi untuk ditempatkan di Sudut Bacaan Ringan di Perpustakaan Tun Seri Lanang, meminjam filem-filem dalam bentuk VCD dan sumber-sumber lain yang dikenalpasti dari masa ke semasa.

Sudut bacaan ringan adalah satu koleksi yang menempatkan bahan-bahan bacaan ringan seperti novel, buku-buku motivasi, bacaan umum, akhbar harian, majalah-majalah popular dalam dan luar negara dan juga sebuah TV.

Diharapkan dengan penubuhan KPI dan Sudut Bacaan Ringan, pelajar dan kakitangan UKM dapat memanfaatkan kemudahan dengan sebaiknya.

## Penyampaian Anugerah Pencinta Ilmu Perpustakaan Tun Seri Lanang

Perpustakaan Tun Seri Lanang telah mengadakan majlis penyampaian Anugerah Pencinta Ilmu kepada pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di kampus induk Bangi. Anugerah telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal akademik UKM, YBhg Prof. Dato' Abd Samad Hadi pada 14 Julai 2001 serentak dengan pelancaran Kelab Pencinta Ilmu.

Umumnya anugerah ini bertujuan

memberikan pengiktirafan kepada pelajar yang cemerlang dalam akademik dan menggunakan perpustakaan secara berkesan. Setiap fakulti termasuk pengajian siswazah menghantar nama-nama pelajar yang cemerlang dalam akademik. Berdasarkan senarai tersebut, rekod peminjam setiap pelajar berkenaan akan disemak. Seorang pelajar dari setiap fakulti yang paling banyak sekali meminjam buku akan dipilih untuk menerima anugerah.

Manakala dikalangan ahli Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Mahasiswa UKM (PMUKM) pula, ahli yang paling banyak meminjam akan dipilih untuk menerima anugerah berkenaan.

## BERITA DARI PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Oleh: Yusliza Yaacob  
Ketua Jabatan Perkhidmatan Maklumat

### PSZ MENANG ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

Anugerah Kualiti Naib Canselor bagi tahun 1999 telah dimenangi oleh Perpustakaan Sultanah Zanariah. Pengumuman dan penyampaian Anugerah oleh Naib Canselor UTM, Dato' Dr. Ahmad Zaharuddin Idros kepada Ketua Pustakawan, Cik Rosna Taib telah diadakan pada hari Kualiti Universiti pada 29 April 2000 yang lalu.

Anugerah ini merupakan pengiktirafan terhadap pencapaian kerja berpasukan oleh Fakulti atau Jabatan yang cemerlang selaras dengan hasrat Universiti untuk menjadi Organisasi Kualiti Menyeluruh (TQM).

Anugerah ini mengambil kira lapan (8) kriteria iaitu:-

- Kepimpinan dalam pengurusan
- Penggunaan maklumat dan analisa dalam usaha-usaha kualiti
- Proses perancangan strategik
- Penggunaan sumber manusia
- Kepastian kualiti output
- Kejayaan kepada usaha-usaha kualiti
- Kepuasan hati pelanggan
- Inovasi-inovasi penting

### PERLAKSANAAN

Proses pelaksanaan penganugerahan AKNC, oleh PSZ telah melalui tiga peringkat iaitu Penilaian Dokumentasi, Pembentangan dan Lawatan Validasi. Ia dimulakan dengan permohonan AKNC yang dibuat pada pertengahan Disember 1999. PSZ yang telah disenarai pendek bersama tiga (3) Jabatan lain telah dilawati oleh Panel

Penilai Audit AKNC pada 29 Februari 2000. Panel Penilai AKNC telah menyemak dan meneliti dokumen sokongan yang disediakan oleh PSZ disamping membuat lawatan singkat ke persekitaran kerja.

Dokumen yang disediakan adalah bagi menjelaskan pencapaian PSZ dalam pengurusan dan perkhidmatan kepada pelanggannya. PSZ seterusnya telah membuat pembentangan kepada Panel AKNC pada 30 Mac 2000 bertempat di Bilik Mesyuarat Timbalan Naib Canselor. Pembentangan telah dibuat oleh Ketua Pustakawan PSZ dengan memberi penekanan dan perkhidmatan kepada pelanggan.

Berikutan dengan pembentangan ini, satu lagi lawatan validasi telah diadakan oleh Panel AKNC yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik) ke PSZ pada 5 April 2000. Ia turut disertai oleh Prof. Tuan Syed Famy Syed Mansor, Prof. Madya Sabariyah Din, Puan Rahani Abu Bakar serta En. Kasiran Saman. Ahli Panel telah dibawa melawat ke sekitar Perpustakaan dan diberi penerangan mengenai kemajuan dan pencapaian PSZ oleh Pustakawan PSZ dari berbagai Jabatan. Kemudahan-kemudahan terkini PSZ seperti kemudahan Pangkalan Data Elektronik, Pangkalan Data 'Inhouse' MISI, Infokios, Laman Web PSZ, Sistem Pembekalan Penerbitan Elektronik (ORBIT) dan lain-lainnya telah diperkenalkan. Satu sesi perbincangan juga telah diadakan diakhir lawatan validasi ini.

### KECEMERLANGAN PSZ

Penganugerahan ini adalah yang kedua dimenangi oleh PSZ selepas berjaya mendapat penanugerahan MS ISO 9002 pada tahun 1998. Kejayaan

mendapatkan anugerah ini adalah hasil kerjasama erat yang telah diberikan oleh keseluruhan staf PSZ.

Kecermelangan PSZ banyak bertitik tolak dari pandangan jauh kepimpinannya. Pengurusan Perpustakaan dibawah kepimpinan Ketua Pustakawan, Cik Rosna Taib telah membawa PSZ mencapai kemajuan yang ketara. Dari sebuah Perpustakaan berasaskan bahan bercetak sahaja. Ia kini muncul sebagai sebuah Perpustakaan "Digital" yang berdaya saing dengan Perpustakaan akademik setarafnya di Malaysia maupun di rantau ini.

Misi PSZ kini pergi lebih jauh iaitu untuk menjadi pusat rujukan yang dikenali diperingkat antarabangsa.

Dengan asas koleksi, kemudahan elektronik dan perkhidmatan sedia ada yang mantap, PSZ kini amat mementingkan kualiti dalam perkhidmatannya. Ini bagi memastikan pelanggannya sentiasa mendapat kepuasan dari perkhidmatan dan kemudahan yang diberikannya. Penganugerahan MS ISO 9002 telah memberi asas yang kukuh dalam sistem kepastian kualitinya. Sistem ini telah membantu PSZ memastikan setiap proses kerjanya memberi output yang berkualiti terutamanya yang melibatkan keperluan pelanggan.

Penganugerahan Anugerah Kualiti Naib Canselor kepada PSZ yang juga penerima pertama anugerah ini merupakan daya pendorong kepada keseluruhan staf PSZ untuk berusaha lebih gigih ke arah pengekalan dan pembaikan kualiti perkhidmatan Perpustakaan yang lebih mantap di masa hadapan agar misi PSZ menjadi satu kenyataan.

*Dari muka 4*

Beliau meneruskan pengajian diperingkat ijazah lanjutan dalam bidang kepustakawanan di University of New South Wales, Sydney, Australia dan memperolehi Postgraduate Diploma of Librarianship pada tahun 1972.

Pada tahun 1984 beliau memperolehi Master in Library Science daripada Indiana University, USA.

Beliau memulakan kerjaya sebagai Penolong Pegawai Perpustakaan, Dewan Bahasa dan Pustaka mulai Februari 1970 hingga Oktober 1971. Pada November 1971 berkhidmat sebagai Penolong Pegawai perpustakaan di Bahagian Bibliografi Negara, Perpustakaan Negara Malaysia dan memegang berbagai jawatan antaranya Ketua Bahagian Rujukan, Ketua Bahagian Perolehan, Ketua Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan, penolong Pengarah, Perkhidmatan Koleksi Negara dan Teknik, Pengarah

Perkhidmatan, Pengarah Sokongan dan Timbalan Ketua Pengarah.

Beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah pada 1 September 1999 hingga akhir perkhidmatan mencapai usia persaraan wajib pada 8 Julai 2001.

Ketokohan Cik Shahar Banun terserlah dalam bidang kepustakawanan dan diiktiraf rakan sepejuangan di dalam dan di luar negara. Pengiktirafan ini ternyata dalam pemilihan beliau sebagai Yang Dipertua Persatuan Pustakawan Malaysia bagi sesi 1997/1999, menjadi pakar runding bagi pembangunan Pustaka Negeri Sarawak (1996-2000) dan Perpustakaan Negara Brunei (2000-2001).

Beliau seringkali mewakili Perpustakaan Negara Malaysia, Persatuan Pustakawan Malaysia dan negara dalam berbagai persidangan di peringkat serantau dan antarabangsa.

## Pesta Buku 2001 - 2002

### SEPTEMBER 2001 – 2002

Tarikh	Pameran	Info
30 Ogos - 4 September	Beijing International Book Fair	
2 - 5 September	Autumn Fair, NEC, Birmingham, UK	
5 - 10 September	Philippines Book Fair	e-mail: <a href="mailto:ptrade@philonline.com">ptrade@philonline.com</a>
12 - 20 September	New Delhi Book Fair	
10 - 14 Oktober	Frankfurt Book Fair	53 <sup>rd</sup> Frankfurt International Book Fair, PO Box 100113, Reneckstrasse 3, 60313 Frankfurt am main 1, Germany. e-mail: <a href="mailto:marketing@book-fair.com">marketing@book-fair.com</a> <a href="http://www.frankfurt-book-fair.com">www.frankfurt-book-fair.com</a>
Oktober 2001	Indonesian International Book Fair	e-mail: <a href="mailto:sekretariat@ikapi.or.id">sekretariat@ikapi.or.id</a> <a href="http://www.ikapi.or.id">www.ikapi.or.id</a>
Disember 2001	Malaysia International Book Fair	Malaysia International Exhibition & showroom, Organizer: Facon exhibition & Trade Fairs, 10B, Jalan Desa Jaya, Taman Desa, 58100 Kuala Lumpur, Malaysia. e-mail: <a href="mailto:facon@po.jaring.my">facon@po.jaring.my</a>
24 Januari – 5 Februari 2002	15 <sup>th</sup> New Delhi World Book Fair	e-mail: <a href="mailto:nbtindia@ndb.vsnl.net.in">nbtindia@ndb.vsnl.net.in</a> <a href="http://www.nbtindia.com">www.nbtindia.com</a>
17 – 19 Mac 2002	London Book Fair, Olympia	<a href="http://www.libf.co.uk">www.libf.co.uk</a>

### JANUARI 2001 – OGOS 2001

26 Januari – 4 Februari	International Book Fair, Cairo	
31 Januari – 11 Februari	Calcutta International Book Fair	e-mail: <a href="mailto:guild@ca12.vsnl.net.in">guild@ca12.vsnl.net.in</a>
16 – 18 Mac	Paris Book Fair	
25 – 27 Mac	London International Book Fair, Olympia	e-mail: <a href="mailto:shereen.murray@reedexpo.co.uk">shereen.murray@reedexpo.co.uk</a> <a href="http://www.libf-virtual.com">www.libf-virtual.com</a>
19 – 22 April	Tokyo International Book Fair	
25 – 27 April	Asia International Book Fair	Singapore International Convention Centre e-mail: <a href="mailto:BeeHong.Chua@reedexpo.com.sg">BeeHong.Chua@reedexpo.com.sg</a>

Untuk senarai penuh sila lawati laman web [http://www.publishersweekly.com/20010409\\_95742.asp](http://www.publishersweekly.com/20010409_95742.asp)

## Understanding Computer Viruses

Sources: The Star 1st May 2001

Viruses are every computer user's worst fear. Even people who have used computers for years worry about contracting viruses-and they go to great lengths to ward off the menace. Yet when you're restarting out with PCs, viruses are not only worrisome - they are hard to understand. Here's a virus primer that should leave you feeling more secure about what viruses are and how to protect your computer.

### Q: What is a virus?

A: A virus is nothing more than a small computer program that runs on your PC. Unlike most computer programs, though viruses are designed to cause damage. A computer virus can be hidden in other programs on your computer so that when you run a programme, the virus is started. Viruses do not always cause damage. Sometimes they are mere annoyances - displaying messages that taunt you, for example.

### Q: Where do viruses come from?

A: Viruses are written by malicious computer programmers.

### Q: How can my computer get a virus?

A: As with human-borne viruses, computer viruses are transmitted from one PC to another, either by means of files that are shared or downloaded from the Internet. If your computer remains completely isolated from others, it will probably remain virus free. Most people who have viruses on their computers do not realise it, so they will send you a file that they believe does not contain a virus. When you open the file, your system becomes infected. It's in this manner that many viruses are spread.

### Q: What types of files can be infected by a virus?

A: A virus can only infect files that actually execute some computer instructions. That means that only program files - or files that contain programs - can become infected. Data files that contain macros-which are little programs that perform some action - can also be infected by viruses. That's why it's not uncommon to find viruses in files created by popular programs such as Microsoft Word or Microsoft Excel. Files from these programs may contain macros which in turn can become infected in viruses.

### Q: Can I get a virus from software that I buy at a store?

A: It is highly unlikely that you will get a virus from software that you purchase, but it is possible. It's also possible to get viruses from programs that you download from respectable websites, such as [www.shareware.com](http://www.shareware.com) or [www.download.com](http://www.download.com).

### Q: How can I protect myself?

A: The best way to protect against computer viruses is not to share files with anyone. Of course, this isn't very realistic, so the next best thing is to get an antivirus program. Antivirus programs run all the time, behind the scenes, and will continuously check your system for viruses. They should also protect your system against e-mail viruses, which have been rampant over the past year. E-mail viruses, by the way, can only be contracted if you open an infected file attached to an e-mail message. You cannot receive a virus by simply reading e-mail.

### Q: I use an antivirus program. Does this mean I won't get a virus now?

A: No. You can still get a virus. That's because new viruses are created everyday, and it's possible that you will open a file that contains a virus that your antivirus program was not designed to detect and fix.

So, it's important for you to download the regularly supplied "virus signature" given out freely over the internet by the manufacturer of your antivirus program. Most antivirus programs today will automatically update themselves over the Internet on a regular basis.

### Q: If my computer crashes, should I suspect a virus?

A: Probably not. Viruses can make your system do weird things, but if your system crashes (stops responding), chances are you are experiencing a hardware or software problem, not a virus.

### Q: Can viruses infect floppy disks?

A: Absolutely. A virus can infect any media that you can write to. This includes floppy disks, hard disks and removable disks, such as Zip disks.

*Dari muka depan*

Program pembangunan ICT Desa berfokuskan kepada pemilikan komuniti dan pengupayaan masyarakat desa. Pemilikan komuniti di sini bermaksud semua ahli masyarakat boleh ke tempat tersebut untuk berinteraksi menggunakan komputer sementara pengupayaan masyarakat desa pula adalah di mana pusat maklumat tersebut diuruskan sendiri oleh masyarakat setempat berkenaan dengan menganjurkan kelas serta kursus-kursus untuk kebaikan mereka sendiri.

Menjawab pertanyaan tentang sejauhmana pelaksanaan Program Infodesa ini, beliau menjelaskan bahawa setakat ini program ini masih di peringkat perintis di mana 6 kampung daripada 6 buah negeri termasuk Sabah dan Sarawak telah dipilih. Antara kriteria pemilihan kampung ini adalah kampung terpilih sekurang-kurangnya pernah menjadi Johan PKKK samada di peringkat Daerah, Negeri atau Kebangsaan dari segi kepimpinan selain mempunyai bilangan penduduk sekurang-kurangnya 1,000 orang. Hanya satu kampung akan dipilih menjadi kampung MID di setiap daerah. Sasaran utama Program Infodesa ini adalah komuniti di kawasan luar bandar dan komuniti di bandar yang terpinggir dan dalam tempoh RMK8, disasarkan 70 buah kampung akan terlibat dalam program ini.

Sebagai kesimpulannya, program ini merupakan pemangkin atau permulaan penglibatan masyarakat luar bandar dalam menggunakan ICT dan ianya adalah berbentuk berterusan.

### *Sumbangan Berita*

*Berita PPM akan cuba mempertingkatkan kualiti kandungannya, Oleh itu kami amat mengalu-alukan sumbangan berita dan rencana daripada para ahli PPM. Sebarang sumbangan dan komen anda bolehlah di hantar ke alamat:*

**Puan Maimunah Kadir  
d/a Perpustakaan  
Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia  
Jalan Yaacob Latif  
Bandar Tun Razak  
56000 Cheras  
Tel: 03-91702288  
E-mail: mai@mail.hukm.ukm.my**

*Dari muka 3*

Perpustakaan IMR. Pada peringkat awal penubuhannya ini, ia dianggotai oleh 20 orang pustakawan perubatan iaitu 5 orang pustakawan daripada setiap Perpustakaan Perubatan UM, UKM dan USM dan seorang pustakawan daripada IMR, IJN, Hospital KL, International Medical College -IMC (sekarang dikenali sebagai International Medical University - IMU) dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Objektif penubuhan kumpulan ini adalah selaras dengan objektif PPM iaitu :

1. Meningkatkan profesionalisme kepustakawanan Perubatan dan Kesihatan
2. Menganjurkan program-program latihan, forum, bengkel, persidangan dan sebagainya untuk mempertingkatkan keupayaan kakitangan
3. Melaksanakan projek-projek di dalam bidang maklumat perubatan dan kesihatan
4. Melaporkan kepada PPM berkenaan perkembangan kumpulan
5. Mewujud dan menggalakkan perkongsian sumber maklumat di antara para anggotanya.

Kini Kumpulan Pustakawan Perubatan Malaysia atau ringkasnya MedLib dipengerusikan oleh puan Maimunah Kadir, Ketua Perpustakaan Perubatan /HUKM. MedLib telah mengadakan beberapa siri mesyuaratnya bagi membincangkan aktiviti serta mengukuhkan kerjasama di antara para anggotanya di samping mempertingkatkan lagi keahliannya. Keanggotaannya sehingga kini adalah terdiri daripada pustakawan-pustakawan Perpustakaan Perubatan di IPTA dan IPTS, institusi-institusi penyelidikan kesihatan seperti IMR dan IJN serta hospital-hospital seperti HKL, Hospital Pulau Pinang dan Hospital Umum Sarawak. Antara aktiviti yang telah dirancang dan dilaksanakan adalah mempertingkatkan langganan pangkalan data teks penuh secara konsortia, menganjurkan sesi-sesi demonstrasi dan bengkel pangkalan data bidang perubatan serta menganjurkan lawatan teknikal ke universiti-universiti dan institusi-institusi kesihatan di Sydney, Australia pada September ini.

Amalmednet e-group pula diwujudkan bagi memudahkan para ahli yang berdaftar berinteraksi dan berbincang berkenaan aktiviti MedLib. Keanggotaan e-group ini terbuka kepada semua pustakawan dan profesional bidang perubatan dan kesihatan di Malaysia. Kepada yang berminat boleh berdaftar sebagai ahli amalmednet menghantar e-mail kepada [amalmednet-subscribe@yahoogroups.com](mailto:amalmednet-subscribe@yahoogroups.com). Sehingga kini seramai 30 orang pustakawan perubatan termasuk seorang pensyarah telah berdaftar sebagai ahli e-group ini.